

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 8 HINGGA 49 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN – PERTANYAAN JAWAB LISAN  
YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN ( SOALAN NO.1 HINGGA NO.7 )**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN DAN PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : SOALAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang projek tambak laut di Negeri Melaka:-**

- (a) Jumlah keluasan projek tambak laut yang dipohon oleh kerajaan Negeri Melaka dan keluasan yang telah diluluskan; dan
- (b) Berapa kajian EIA dan kajian-kajian yang lain telah diadakan dan apakah kesan-kesan yang telah kenal pasti.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, keluasan yang telah diluluskan untuk projek tambak laut adalah 7331.7 hektar dan seluas sebanyak 2177.7 sudah tambak hektar.
- (b) Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), sehingga kini, terdapat tiga (3) kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) dilaksanakan bagi projek penambakan laut tersebut iaitu seperti berikut:
- i. Cadangan Projek Penambakan Pulau Kembar (Pulau Melaka) Melaka,  
Tarikh kelulusan EIA: 28 November 1998;
  - ii. Cadangan Tebusguna Tanah (Parcel 1 – 4),  
Tarikh kelulusan EIA: 26 Oktober 1999; dan
  - iii. Cadangan Projek Penambakan Laut antara Teluk Mas ke Klebang di Melaka Tengah, Melaka,  
Tarikh kelulusan EIA: 5 September 1994.

Kesan yang dikenal pasti di dalam laporan EIA sekiranya tiada langkah-langkah kawalan yang berkesan di ambil oleh pihak pemaju projek adalah penurunan kualiti air marin, perubahan hidrologi dan morfologi pantai berdekatan serta aktiviti sosio ekonomi setempat. Kementerian ini, melalui JAS akan sentiasa memantau aktiviti penambakan laut di Melaka dan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan EIA.

Selain kajian EIA, pihak syarikat juga diwajibkan menjalankan kajian hidraulik di kawasan penambakan. Kajian lain sebagai contoh *Traffic Impact Assessment* (TIA) dijalankan mengikut kesesuaian/ keperluan. Kesan-kesan yang dikenal pasti adalah hakisan dan banjir kilat di kawasan berhampiran pantai.

Sekian, terima kasih.